



**GABRIEL** (kiri) menerima Anugerah Atlet Terbaik Lelaki daripada Dr Ag Asri pada Malam Penghargaan Staf 2012.



**AG ASRI** menyampaikan Anugerah Atlet Terbaik Wanita kepada Norhanizah Adnan (kiri) sempena Malam Penghargaan Staf UMS-KAL.



**AKSI** pelumba yang menyertai perlumbaan kapcai berlangsung di Miri, Sarawak tahun lalu.

**JAIS Osman** (tengah) menerima Anugerah Jurulatih Terbaik daripada Dr Geoffrey diperhatikan Gabriel (kanan).



Katanya, kejayaan mereka membawa nama UMS ke persada sukan di peringkat kebangsaan termasuk sukan institusi pengajian tinggi (IPT) perlu dicontohi kakitangan lain.

“Kejayaan mereka ini turut mengharumkan nama UMS di persada sukan tanahair dan ianya perlu diteruskan di peringkat antarabangsa,” katanya.

Ismail berkata, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said sentiasa menggalakkan kakitangan UMS bergiat aktif dalam bidang sukan yang kini mampu menjana pendapatan selain membantu melonjakkan nama UMS.



**ANUGERAH** Khas Sukan dimenangi Norzan Rantee (tengah) yang aktif dalam acara bola jaring dan bola tampar menerima trofi daripada Geoffrey.

## Gabriel dan Norhanizah raih Anugerah Atlet Terbaik UMS-KAL 2012

UB 21-12-2012 A14

**LABUAN:** Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil dan Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan meraih Anugerah Atlet Terbaik Lelaki dan Wanita 2012.

Kedua-duanya menerima anugerah itu sempena Malam Penghargaan Staf Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di Palm Beach Resort

& SPA, malam Selasa lalu.

Gabriel merupakan atlet olahraga dalam acara lempar cakera, lontar peluru dan lontar lembing manakala Norhanizah bergiat aktif dalam acara bola tampar, bola jaring dan olahraga terutama acara pecut 100 dan 200 meter.

Anugerah itu disampaikan oleh Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim.

Malam Penghargaan Staf UMS-KAL 2012 dirasmikan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Turut hadir Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah merangkap Pengerusi Malam Penghargaan Staf 2012.

Atlet sukan dart, Jamberi Sahari dan atlet bola jaring, Tinyhanizam Kula pula menerima Anugerah Atlet Harapan Lelaki dan Wanita 2012.

Jamberi merupakan kakitangan Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan manakala Tinyhanizam kakitangan Bahagian Perpustakaan.

Anugerah Pasukan Terbaik Lelaki dan Wanita masing-masing dimenangi pasukan tarik tali dan bola tampar manakala pasukan hoki dan bola jaring menerima Anugerah Pasukan Harapan Lelaki dan Wanita.

Pengurus pasukan dart, Mohd Azrie Ag Tanjong menerima Anugerah Pengurus Terbaik manakala Jais Osman dipilih pemenang Anugerah Jurulatih Terbaik.

Pemain bola jaring dan bola tampar wanita, Norzan Rantee menjulang Anugerah Khas Sukan 2012.

Semua anugerah disampaikan oleh Pensyarah Kanan, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal.

Dalam ucapannya, Ismail berharap kakitangan yang bergiat aktif dalam acara sukan bukan sahaja mampu mengharumkan nama UMS-KAL tetapi juga UMS dan negara pada masa akan datang.



**ANUGERAH** Atlet Harapan Wanita disandang Tinyhanizam Kula (kiri) yang menerima trofi daripada Dekan SSIL.